



MINISTRY OF COMMUNICATIONS  
AND MULTIMEDIA MALAYSIA



# SIARAN MEDIA

**20 NOVEMBER 2019**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **PERKASA IBU BAPA UNTUK BINA KESEJAHTERAAN SIBER**

**PETALING JAYA (20 NOVEMBER 2019)** – CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber negara dan agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dengan kerjasama Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), disokong oleh Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM) serta DiGi Telecommunications hari ini melancarkan buku keibubapaan siber bertajuk “**CyberSAFE Parenting – Ke Arah Kesejahteraan Siber**”.

Pelancaran buku tersebut telah disempurnakan oleh KeBawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj di Petaling Jaya.

Buku “CyberSAFE Parenting – Ke Arah Kesejahteraan Siber” merupakan edisi kedua dari Buku Panduan Keibubapaan Siber yang diterbitkan oleh CyberSecurity Malaysia bersama NCWO serta rakan kerjasama strategik pada tahun 2018 sempena sambutan Hari Keselamatan Internet (Safer Internet Day) 2018 – Edisi Malaysia. Isi kandungan buku tersebut telah dikemaskini dengan fakta-fakta terkini hasil sumbangan Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM).

“Di era digital masa kini, ibu bapa perlu memainkan peranan mendidik, memantau dan mengawasi tingkah laku serta aktiviti anak-anak di alam siber. Kita dapati terlalu banyak ancaman serta serangan siber yang menasaskan kanak-kanak dan remaja, selain anak-anak itu sendiri menjadi ketagihan internet akibat dari penggunaan teknologi tanpa kawalan dan had waktu. Lebih membimbangkan apabila penggunaan internet turut mampu memberi kesan ke atas kesihatan fizikal dan mental kanak-kanak dan remaja.” kata Profesor Emerita



Securing Our Cyberspace



**CyberSecurity Malaysia**  
(726630-U)

**T** +603 8800 7999  
**F** +603 8008 7000  
**H** 1 300 88 2999

Corporate Office:  
Level 7, Tower 1  
Menara Cyber Axis  
Jalan Impact  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

[www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

Tan Sri Dato' Seri Dr Sharifah Hapsah Binti Syed Hasan Shahabudin, Yang Dipertua NCWO.

Menurut beliau, perkara ini perlu dipandang serius oleh semua pihak kerana sekiranya ia tidak diberi perhatian, maka ia boleh merencat perkembangan institusi keluarga dan seterusnya memberi impak kepada kesejahteraan dan pembangunan negara.

Sementara itu, Dato' Ts Dr Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia berkata "Buku yang diterbitkan ini mengandungi pelbagai informasi dan fakta mengenai situasi ancaman siber, tatacara, kaedah dan amalan terbaik untuk ibu bapa jadikan panduan dalam mendidik serta memantau kegiatan anak-anak mengenai penggunaan teknologi dan melayari internet. Buku ini diterbitkan sebagai salah satu usaha kami dalam menyebarkan pemahaman mengenai kepentingan keselamatan siber dalam kalangan ibu bapa. Ia dilihat amat bertepatan dengan usaha pelbagai pihak untuk memperkasa pengguna internet terutama ibu bapa, wanita dan kanak-kanak di alam siber."

Orang ramai boleh mendapatkan buku ini secara dalam talian melalui laman sesawang [www.cybersafe.my](http://www.cybersafe.my). CyberSAFE merupakan program khusus yang dibangunkan oleh CyberSecurity Malaysia dalam mendidik dan memupuk kesedaran pengguna internet mengenai keselamatan siber serta penggunaan teknologi secara positif, beretika dan bertanggungjawab.

~ Tamat ~

---

---

*Siaran Media ini dikeluarkan oleh Jabatan Outreach & Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.*

*Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.cybersecurity.my> dan untuk pertanyaan, sila hubungi [info@cybersecurity.my](mailto:info@cybersecurity.my) atau +603-8800 7999, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 7237) /*

*Zul Akmal Abdul Manan (ext: 7242)*